

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA PU BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5516-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-pu-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5516-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-pu-butterworth)

BUTTERWORTH, 15 Okt 19 – Majlis Pemakaian Pangkat anggota LLP Pangkalan Udara Butterwoth telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie di bilik Mesyuarat Pangkalan.

Seramai 6 orang anggota telah dinaikkan pangkat iaitu empat daripadanya dinaikkan ke pangkat Pemangku PW U I manakala 2 orang anggota dinaikkan ke pangkat Pemangku PW U II.

Dalam majlis yang sama Komander Pangkalan turut menyempurnakan penyerahan sumbangan cek dari Tabung Zakat Angkatan Tentera Malaysia kepada empat orang anggota.



